



**AKTA TANDATANGAN DIGITAL 1997**  
*DIGITAL SIGNATURE ACT 1997*

**PERATURAN-PERATURAN TANDATANGAN DIGITAL 1998**  
*DIGITAL SIGNATURE REGULATIONS 1998*

**LESEN PIHAK BERKUASA PEMERAKUAN**  
*CERTIFICATION AUTHORITY LICENCE*

**Peringkat: Pengendalian**  
*Stage: Operation*

**ASAL**  
**ORIGINAL**

No. Siri: **LPBP-3**  
Serial No.:

No. Lesen: **LPBP-3/2023 (3)**  
Licence No.:

**MENURUT SEKSYEN 8 AKTA TANDATANGAN DIGITAL 1997 DAN PERATURAN 16**  
**PERATURAN-PERATURAN TANDATANGAN DIGITAL 1998**  
*PURSUANT TO SECTION 8 OF THE DIGITAL SIGNATURE ACT 1997 AND REGULATION 16*  
*OF THE DIGITAL SIGNATURE REGULATIONS 1998*

Saya memberi lesen kepada **TM TECHNOLOGY SERVICES SDN BHD**  
*I license* **(200201003726 [571389-H])**

untuk mengendalikan sebagai  
*to operate as a*

**PIHAK BERKUASA PEMERAKUAN BERLESEN** mulai dari **14/4/2023**  
*LICENSED CERTIFICATION AUTHORITY as from*

di pejabat atau pejabat-pejabat yang beralamat seperti berikut:  
*at the following office or offices:*

**LEVEL 51**  
**NORTH WING, MENARA TM**  
**JALAN PANTAI BAHARU**  
**50672 KUALA LUMPUR**

tertakluk kepada mana-mana peraturan, garispanduan, arahan dan perintah pentadbiran yang dikeluarkan di bawah Akta ini.  
*subject to any regulations, guidelines, directives and administrative orders issued under this Act.*

**ASAL  
ORIGINAL**

No. Siri: **LPBP-3**  
Serial No.:

No. Lesen: **LPBP-3/2023 (3)**  
Licence No.:

1. Nama pemilik lesen  
*Name of owner of license*

**TM TECHNOLOGY SERVICES SDN BHD**  
**(200201003726 [571389-H])**

2. Alamat perniagaan  
*Business address*

**LEVEL 51**  
**NORTH WING, MENARA TM**  
**JALAN PANTAI BAHARU**  
**50672 KUALA LUMPUR**

3. Tarikh dan masa dikeluarkan  
*Date and time of issue*

**14/4/2023**

4. Tarikh dan masa habis tempoh  
*Date and time of expiry*

**31/7/2024**

5. Rujukan fail  
*File reference*

**SKMM (T)06-NEAM/500.008/Jld.01 (06)**

6. No. Resit  
*Receipt No.*

**SCB2000000092231030-CA**

7. Amaun dibayar  
*Amount paid*

**RM 2,500.00**

  
**PENGERUSI**  
**SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**  
*CHAIRMAN*  
*MALAYSIAN COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA COMMISSION*

Tarikh: **23 / 6 / 2023**  
*Date*



SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA  
MALAYSIAN COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA COMMISSION

## **SYARAT-SYARAT LESEN**

**PIHAK BERKUASA PEMERAKUAN  
(PERINGKAT PENGENDALIAN)**

**TM TECHNOLOGY SERVICES SDN BHD  
(200201003726 [571389-H])  
(NO. LESEN: LPBP-3/2023(3))**

## **KANDUNGAN**

### **BAHAGIAN 1**

#### **TAKRIF DAN PENERANGAN**

### **BAHAGIAN 2**

#### **SYARAT-SYARAT LESEN**

**SYARAT 1: MODAL KERJA**

**SYARAT 2: PEMBAYARAN FI LESEN**

**SYARAT 3: PINDAAN SYARAT LESEN**

**SYARAT 4: PENYERAHAN BALIK LESEN**

**SYARAT 5: PENGEMBALIAN LESEN**

**SYARAT 6: PEMBAHARUAN LESEN**

**SYARAT 7: PENGGANTIAN LESEN**

**SYARAT 8: PEMINDAHAN ATAU PENYERAHHAKKAN LESEN**

**SYARAT 9: KEHENDAK UNTUK MEMPAMERKAN LESEN**

**SYARAT 10: KEHENDAK UNTUK MEMBEKALKAN MAKLUMAT KEPADA SURUHANJAYA**

**SYARAT 11: PEMBERITAHUAN MENGENAI PERTUKARAN MAKLUMAT**

**SYARAT 12: KEHENDAK TENTANG PENGIKLANAN**

**SYARAT 13: PEMATUHAN ARAHAN DAN PERINTAH PENTADBIRAN LAIN SURUHANJAYA DAN PENJAGAAN KERAHSIAAN**

- SYARAT 14:** **PEMBERITAHUAN AWAL MENGENAI PERUBAHAN DALAM PEMEGANGAN SAHAM**
- SYARAT 15:** **PEMBERITAHUAN AWAL MENGENAI PERTUKARAN DALAM PEMEGANGAN SAHAM BERKENAAN ORANG ASING**
- SYARAT 16:** **PEMBERITAHUAN AWAL MENGENAI USAHA SAMA**
- SYARAT 17:** **AUDIT PEMATUHAN**
- SYARAT 18:** **SENARAI PERKHIDMATAN**
- SYARAT 19:** **TATACARA PENGENDALIAN**
- SYARAT 20:** **PENYIARAN FI DAN CAJ SERTA TERMA DAN SYARAT YANG DIGUNAPAKAI**
- SYARAT 21:** **PEMERIKSAAN OLEH SURUHANJAYA**
- SYARAT 22:** **SKIM TANDATANGAN DIGITAL**
- SYARAT 23:** **HUBUNGAN DENGAN REPOSITORI/PERKHIDMATAN PENANDA TARikh/MASA**
- SYARAT 24:** **PENGURUSAN KUNCI**
- SYARAT 25:** **DAFTAR PERAKUAN DAN SENARAI PEMBATALAN**
- SYARAT 26:** **KESULITAN MAKLUMAT DAN DOKUMEN PELANGGAN**
- SYARAT 27:** **REKOD PENZAHIRAN**
- SYARAT 28:** **JAMINAN SESUAI**
- SYARAT 29:** **MENGHENTIKAN KENDALIAN**

**SYARAT 30: REKOD URUSAN**

**SYARAT 31: BUKU AKAUN**

**SYARAT 32: PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG**

**SYARAT 33: PENYATAAN AMALAN PEMERAKUAN**

**BAHAGIAN 3**

**PEMBATALAN**

## **BAHAGIAN 1**

### **TAKRIF DAN PENERANGAN**

1. Melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain, apa-apa perkataan atau ungkapan yang digunakan dalam Syarat-Syarat ini hendaklah ditafsirkan seolah-olah perkataan atau ungkapan itu terkandung dalam Akta, termasuklah apa-apa ubahsuaian statutori atau enakmen semula yang dibuat kepada Akta selepas tarikh lesen ini mula berkuatkuasa.
2. Apa-apa perkataan atau ungkapan yang digunakan dalam Syarat-Syarat ini hendaklah, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain, mempunyai pengertian yang sama seperti dalam Akta dan Peraturan-Peraturan.
3. Bagi maksud mentafsirkan Syarat-Syarat ini, tajuk atau kepala kepada mana-mana syarat tidak boleh diambil kira.
4. Apa-apa rujukan dalam Syarat-Syarat ini kepada Akta hendaklah termasuk apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Akta.
5. Perkataan yang merujuk kepada mufrad hendaklah termasuk semua jantina dan sebutan mengenai orang hendaklah termasuk orang sebenar dan orang di sisi undang-undang.
6. Tiada apa-apa dalam Syarat-Syarat ini boleh menjelaskan peruntukan mengenai syarat-syarat pengendalian dan kehendak-kehendak lain yang ditetapkan dalam Akta dan Peraturan-Peraturan.
7. Dalam Syarat-Syarat ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain:

**“Akta”**

ertiinya Akta Tandatangan Digital 1997 [Akta 562] dan termasuklah apa-apa pindaan, tambahan, ubahsuaian atau penggubalan semula yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

**“Fi”**

ertiinya bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan;

**“Lesen”**

ertiinya peringkat pengendalian suatu lesen;

**“Suruhanjaya”**

ertiinya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia;

**“Peraturan-Peraturan”**

ertiinya Peraturan-Peraturan Tandatangan Digital 1998 [P.U.(A) 359/98] dan termasuklah apa-apa pindaan, tambahan, ubahsuaian atau penggubalan semula yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa.

## **BAHAGIAN 2**

### **SYARAT-SYARAT LESEN**

#### **SYARAT 1: MODAL KERJA**

Pemegang Lesen hendaklah menyimpan dan menyenggarakan modal kerja sekurang-kurangnya **Ringgit Malaysia Enam Juta (RM6,000,000)** pada setiap masa untuk menjalankan atau mengendalikan sebagai suatu pihak berkuasa pemerakuan.

#### **SYARAT 2: PEMBAYARAN FI LESEN**

Pemegang Lesen hendaklah membayar fi lesen pengendalian tahunan kepada Suruhanjaya seperti yang digariskan di dalam Peraturan-Peraturan Tandatangan Digital 1998.

#### **SYARAT 3: PINDAAN SYARAT LESEN**

- 3.1 Pemegang Lesen boleh memohon secara bertulis kepada Suruhanjaya untuk meminda butir-butir lesen atau syarat yang dikenakan pada lesen.
- 3.2 Suruhanjaya boleh, semasa tempoh sah lesen, meminda, mengubah, menambah kepada, membatalkan, menggantung atau menghidupkan semula mana-mana syarat yang dikenakan pada lesen atau mengenakan syarat baru padanya. Pemegang Lesen akan diberi peluang munasabah untuk didengar sebelum apa-apa pindaan kepada lesen yang dibuat sedemikian dikuatkuasakan.

#### **SYARAT 4: PENYERAHAN BALIK LESEN**

Pemegang Lesen yang berhasrat untuk menyerahkan balik lesennya hendaklah mengemukakan lesen ini kepada Suruhanjaya beserta dengan suatu notis bertulis mengenai penyerahan baliknya.

#### **SYARAT 5: PENGEMBALIAN LESEN**

Pemegang Lesen hendaklah, dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh pembatalan lesen mula berkuatkuasa atau lesen habis tempoh, mengembalikan lesen ini kepada Suruhanjaya.

## **SYARAT 6: PEMBAHARUAN LESEN**

- 6.1 Sekiranya Pemegang Lesen bercadang untuk memperbaharui lesen ini, Pemegang Lesen hendaklah mengemukakan permohonan kepada Suruhanjaya sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari, tetapi tidak lebih daripada enam puluh (60) hari sebelum tamat tempoh lesen tersebut berserta dengan laporan audit pematuhan bagi tahun tersebut atau tahun-tahun yang berkenaan daripada juruaudit yang layak dan penyata kewangan tahunan yang telah diaudit.
- 6.2 Sekiranya Pemegang Lesen tidak mempunyai niat untuk memperbaharui lesennya, Pemegang Lesen hendaklah menyiaran niat itu di dalam rekod penzahiran Pemegang Lesen dan mengiklankan niat itu di dalam sekurang-kurangnya satu akhbar harian kebangsaan bahasa kebangsaan dan satu akhbar harian kebangsaan bahasa Inggeris selama sekurang-kurangnya tiga hari berturut-turut.

## **SYARAT 7: PENGGANTIAN LESEN**

Jika lesen yang dikeluarkan kepada Pemegang Lesen hilang, Pemegang Lesen hendaklah dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan mengemukakan suatu permohonan kepada Suruhanjaya untuk mendapatkan lesen gantian disertakan dengan maklumat dan dokumen yang dikehendaki oleh Suruhanjaya dan fi yang ditetapkan.

## **SYARAT 8: PEMINDAHAN ATAU PENYERAHHAKKAN LESEN**

- 8.1 Pemegang Lesen tidak boleh memindahkan atau menyerahhakkan lesen tanpa kelulusan bertulis Suruhanjaya.
- 8.2 Pemegang Lesen tidak boleh menyerahkan, melepaskan milik, menyewakan atau melepaskan apa-apa hak, tugas, liabiliti, kewajiban, atau keistimewaan atau mana-mana bahagian daripada hak, tugas, liabiliti, kewajiban atau keistimewaan dalam lesen ini kepada mana-mana orang tanpa terlebih dahulu mendapatkan kelulusan bertulis Suruhanjaya.
- 8.3 Apa-apa kelulusan yang diberikan di bawah perenggan 8.2 hendaklah tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang boleh dikenakan oleh Suruhanjaya.

## **SYARAT 9: KEHENDAK UNTUK MEMPAMERKAN LESEN**

- 9.1 Pemegang Lesen hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesennya di tempat yang mudah dilihat di tempat perniagaannya.
- 9.2 Sebagai tambahan dan tanpa menjelaskan keluasan perenggan 9.1, Pemegang Lesen hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesennya secara elektronik dalam laman webnya, jika ada.

**SYARAT 10:****KEHENDAK UNTUK MEMBEKALKAN MAKLUMAT KEPADA SURUHANJAYA**

- 10.1 Pemegang Lesen hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya apa-apa maklumat dan butir-butir termasuk pernyataan kewangan, kunci kira-kira dan akaun untung/rugi teraudit yang berhubung dengan keseluruhan kendalian perniagaannya sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Suruhanjaya.
- 10.2 Pemegang Lesen hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya, apabila diminta, apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

**SYARAT 11:****PEMBERITAHUAN MENGENAI PERTUKARAN MAKLUMAT**

- 11.1 Pemegang Lesen hendaklah sebelum membuat apa-apa pindaan atau perubahan kepada mana-mana dokumen konstituennya, atau sebelum apa-apa pertukaran pengarah atau ketua pegawai eksekutifnya, memberi kepada Suruhanjaya butir-butir secara bertulis mengenai apa-apa pindaan, perubahan atau pertukaran yang dicadangkan itu.
- 11.2 Pemegang Lesen hendaklah dengan serta-merta memberitahu Suruhanjaya mengenai apa-apa pindaan atau perubahan kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang diberikan kepada Suruhanjaya berkaitan dengan lesen ini.

**SYARAT 12:****KEHENDAK TENTANG PENGIKLANAN**

Pemegang Lesen tidak boleh menyiaran, sama ada dalam akhbar, risalah atau selainnya, apa-apa iklan atau maklumat yang berhubung dengan atau yang berkaitan dengan perniagaan Pemegang Lesen tanpa memasukkan:

- (a) nombor lesen
- (b) nama perniagaan yang di bawahnya Pemegang Lesen menjalankan perniagaan itu dan alamat di mana perniagaan itu dijalankan, termasuk nama dan alamat laman web, jika ada; dan
- (c) apa-apa butiran lain yang berhubung dengan mana-mana perkhidmatan yang ditawarkan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya.

**SYARAT 13:****PEMATUHAN ARAHAN DAN PERINTAH PENTADBIRAN LAIN SURUHANJAYA DAN PENJAGAAN KERAHSIAAN**

- 13.1 Pemegang Lesen hendaklah mematuhi apa-apa arahan dan perintah pentadbiran lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Suruhanjaya pada menjalankan kuasa, tugas dan kewajibannya di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Akta.

- 13.2 Suruhanjaya boleh mengubah atau menggantung sesuatu arahan atau perintah pentadbiran dengan memberitahu Pemegang Lesen secara bertulis.
- 13.3 Pemegang Lesen hendaklah pada setiap masa menjaga kerahsiaan segala arahan dan perintah pentadbiran yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya kepada Pemegang Lesen.
- 13.4 Pemegang Lesen tidak boleh mendedahkan kandungan apa-apa arahan atau perintah pentadbiran yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya kepada Pemegang Lesen tidak kira semasa tempoh sah lesen, selepas tamat tempoh sah lesen, selepas pembatalan lesen atau selepas Pemegang Lesen berhenti mengendalikan sebagai pihak berkuasa pemerakuan.

**SYARAT 14. PEMBERITAHUAN AWAL MENGENAI PERUBAHAN DALAM PEMEGANGAN SAHAM**

- 14.1 Kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 14.2, Pemegang Lesen hendaklah memberitahu Suruhanjaya:-
  - (a) mengenai apa-apa pertukaran dalam kadar saham yang dipegang oleh mana-mana pemegang saham dalam Pemegang Lesen; dan
  - (b) jika mana-mana orang memperoleh apa-apa saham dalam Pemegang Lesen di mana orang itu tidak sebelum itu memegang apa-apa saham dalam Pemegang Lesen, mengenai perolehan yang dicadangkan itu dan mengenai kadar saham yang akan dipegang oleh orang itu,  
dan dalam kedua-dua hal itu, pemberitahuan itu hendaklah diberi dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan selepas apa-apa pertukaran atau perolehan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dicadangkan.
- 14.2 Pemegang Lesen tidak diwajibkan untuk memberitahu Suruhanjaya mengenai apa-apa pertukaran atau perolehan yang disebut dalam perenggan 14.1(a) dan (b) jika:-
  - (a) pertukaran atau perolehan itu tidak mengakibatkan pertukaran dalam kawalan Pemegang Lesen; dan
  - (b) saham-saham itu, yang pemegangan saham itu dicadangkan untuk diperoleh, apabila dijumlahkan dengan kadar saham itu yang pemegangan saham itu telah ditukar pada bila-bila masa selepas lesen ini diberikan (sama ada atau tidak pertukaran itu telah sebelum itu diberitahu kepada Suruhanjaya mengikut syarat ini) tidak melebihi 15% daripada jumlah bilangan saham dalam Pemegang Lesen yang kepadanya syarat ini terpakai.
- 14.3 Pemegang Lesen hendaklah memberitahu Suruhanjaya mengenai perkara yang disebut dalam perenggan 14.1 tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari sebelum apa-apa perkiraan yang disebut dalam perenggan 14.4 mula berkuat kuasa.
- 14.4 Perkiraan yang tertakhluk kepada perenggan 14.3 adalah:
  - (a) apa-apa perkiraan untuk mendapatkan penyenaraian apa-apa saham dalam Pemegang Lesen dalam mana-mana Bursa Saham di dalam Malaysia atau di tempat lain; dan

- (b) apa-apa perkiraan untuk berurusan dengan apa-apa saham dalam Pemegang Lesen dalam pasaran yang tidak disenaraikan atau dalam pasaran melalui kaunter di dalam Malaysia atau di tempat lain.
- 14.5 Syarat ini terpakai kepada semua saham dalam Pemegang Lesen yang pemegang saham itu buat sementara ini berhak untuk mengundi atas apa-apa perkara dalam mesyuarat am Pemegang Lesen.
- 14.6 Bagi maksud syarat ini, apa-apa saham yang dipegang oleh penerima namaan bagi mana-mana orang hendaklah disifatkan sebagai dipegang oleh orang itu.
- 14.7 Dalam syarat ini, "kawalan" ertiannya kuasa seseorang untuk memastikan:-
- (a) melalui pemegangan saham atau pemilikan kuasa mengundi dalam atau berhubung dengan pertubuhan perbadanan itu atau mana-mana pertubuhan perbadanan lain; atau
  - (b) menurut apa-apa kuasa yang diberikan oleh perkara persatuan atau dokumen lain yang mengawal selia pertubuhan perbadanan itu atau mana-mana pertubuhan perbadanan lain,
- bahawa hal ehwal pertubuhan perbadanan yang pertama disebut itu adalah dijalankan mengikut kehendak orang itu.

**SYARAT 15:                   PEMBERITAHUAN AWAL MENGENAI PERTUKARAN  
DALAM PEMEGANGAN SAHAM BERKENAAN DENGAN  
ORANG ASING**

- 15.1 Walau apa pun syarat 14, Pemegang Lesen hendaklah mendapatkan kelulusan bertulis Suruhanjaya:-
- (a) mengenai apa-apa pertukaran yang dicadangkan dalam kadar saham yang dipegang oleh mana-mana pemegang saham kepada seorang orang asing; atau
  - (b) jika mana-mana orang asing hendak memperoleh apa-apa saham dalam Pemegang Lesen di mana orang asing itu tidak sebelum itu memegang apa-apa saham dalam Pemegang Lesen, mengenai perolehan yang dicadangkan itu dan mengenai kadar saham yang akan dipegang oleh orang asing itu.
- 15.2 Dalam syarat ini:-
- "orang asing" ertiinya:-
- (a) seseorang yang bukan warganegara Malaysia; atau
  - (b) suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang tidak kurang daripada 51% daripada saham dalam syarikat itu dimiliki oleh seorang orang asing atau suatu syarikat asing;
- "syarikat asing" ertiinya-
- (a) suatu syarikat, perbadanan, pertubuhan, persatuan, atau badan lain yang diperbadankan di luar Malaysia; atau

- (b) suatu pertubuhan, persatuan, atau badan lain yang diperbadankan yang di bawah undang-undang tempat asalnya (di luar Malaysia) boleh mendakwa atau didakwa, atau memegang harta atas nama setiausaha atau pegawai lain badan, pertubuhan atau persatuan itu yang dilantik dengan sewajarnya bagi maksud itu dan yang tidak mempunyai ibu pejabat atau tempat penginapan utamanya di Malaysia.

#### **SYARAT 16: PEMBERITAHUAN AWAL MENGENAI USAHA SAMA**

- 16.1 Pemegang Lesen hendaklah memberitahu Suruhanjaya secara bertulis tidak kurang daripada enam puluh (60) hari sebelum mula berkuat kuasanya apa-apa perjanjian atau perkiraan yang kepadanya syarat ini terpakai mengenai perjanjian atau perkiraan itu dan memberikan butir-butir tentang perjanjian atau perkiraan itu.
- 16.2 Perjanjian atau perkiraan yang tertakluk kepada syarat ini adalah:
- (a) perjanjian dengan mana-mana orang untuk menubuhkan atau mengawal mana-mana pertubuhan perbadanan bagi maksud menjalankan atau mengendalikan atau mengemukakan dirinya sebagai menjalankan atau mengendalikan sebagai suatu pihak berkuasa pemerakuan yang memerlukan lesen sah di bawah Akta.
  - (b) perjanjian untuk menubuhkan suatu perkongsian bagi maksud menjalankan atau mengendalikan atau mengemukakan dirinya sebagai menjalankan atau mengendalikan sebagai suatu pihak berkuasa pemerakuan yang memerlukan lesen sah di bawah Akta.
- 16.3 Perenggan 16.2 (a) dan (b) adalah terpakai berhubung dengan perjanjian atau perkiraan untuk menubuhkan atau mengawal pertubuhan perbadanan atau perkongsian jika Pemegang Lesen mempunyai atau akan mempunyai tidak kurang daripada 20% daripada kuasa mengundi dalam mana-mana bahagian yang mengawal pertubuhan perbadanan itu.
- 16.4 Walau apa pun perenggan 16.1 dan 16.3, Pemegang Lesen hendaklah mendapatkan kelulusan bertulis Suruhanjaya sebelum apa-apa perjanjian atau perkiraan yang melibatkan orang asing mula berkuat kuasa.
- 16.5 Dalam syarat ini, "orang asing" mempunyai pengertian yang diberikan kepadanya dalam syarat 15.

#### **SYARAT 17: AUDIT PEMATUHAN**

- 17.1 Pemegang Lesen hendaklah menyebabkan pengendalian sebagai suatu pihak berkuasa pemerakuan diaudit oleh seorang juruaudit yang layak sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.
- 17.2 Pemegang Lesen hendaklah menyediakan apa-apa maklumat, dokumen atau kakitangan yang dikehendaki oleh juruaudit yang layak bagi tujuan audit pematuhan yang dikehendaki di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Akta.

- 17.3 Pemegang Lesen hendaklah menyebabkan juruaudit yang layak yang dilantik olehnya untuk menjalankan audit pematuhan mengemukakan laporan bertulis kepada Suruhanjaya seperti yang dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Akta dalam masa empat belas (14) hari daripada tarikh selesainya sesuatu audit pematuhan.
- 17.4 Sebagai tambahan dan tanpa menjelaskan keluasan perenggan 17.1, Pemegang Lesen hendaklah menjalankan audit pematuhan tambahan apabila dikehendaki oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

**SYARAT 18: SENARAI PERKHIDMATAN**

- 18.1 Pemegang Lesen hendaklah menjalankan atau mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan yang berikut:

<b><u>Perkhidmatan</u></b>	<b><u>Fi dan Caj</u></b>
(a) Kelas Satu	Tidak melebihi RM50
(b) Kelas Dua	Tidak Melebihi RM120
(c) Kelas Tiga	Tidak Melebihi RM3400.00

- 18.2 Pemegang Lesen tidak boleh meminda, menambah, mengurang perkhidmatan atau memperkenalkan perkhidmatan baru selain daripada perkhidmatan yang dinyatakan dalam perenggan 18.1, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Suruhanajaya.

**SYARAT 19: TATACARA PENGENDALIAN**

- 19.1 Pemegang Lesen hendaklah mematuhi tatacara pengendalian seperti yang telah dikemukakan kepada Suruhanjaya.
- 19.2 Pemegang Lesen hendaklah sentiasa mengkaji semula tatacara pengendaliannya dan mendapatkan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Suruhanjaya bagi sebarang perubahan matan atau pemberian ke atas tatacara pengendaliannya.

**SYARAT 20:****PENYIARAN FI DAN CAJ SERTA TERMA DAN SYARAT YANG DIGUNAPAKAI**

- 20.1 Pemegang Lesen hendaklah, melainkan dipersetujui oleh Suruhanjaya secara bertulis:
- (a) mengenakan apa-apa fi dan caj bagi perkhidmatannya sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya;
  - (b) menyiaran dalam bentuk dan masa yang ditentukan dalam perenggan 20.2, suatu notis yang menyatakan fi dan caj serta terma dan syarat yang akan digunapakai bagi perkhidmatan yang ditawarkan olehnya; dan
  - (c) mengenakan fi dan caj serta terma dan syarat seperti yang telah disiarkan dan tidak lari daripadanya.
- 20.2 Penyiaran notis berkenaan hendaklah dilaksanakan dengan:
- (a) mengemukakan kepada Suruhanjaya tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari sebelum apa-apa cadangan untuk meminda apa-apa fi dan caj serta terma dan syarat serta tarikh fi dan caj berkenaan akan dikuatkuasakan;
  - (b) meletakkan selepas itu salinannya dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, di tempat-tempat yang boleh diakses oleh orang awam di pejabat berdaftar Pemegang Lesen dalam bentuk serta tempat supaya ia boleh disemak secara percuma oleh orang awam dalam masa waktu pejabat; dan
  - (c) dengan menghantar salinan atau mana-mana bahagian daripadanya kepada mana-mana orang yang meminta salinan fi dan caj berkenaan.

**SYARAT 21:****PEMERIKSAAN OLEH SURUHANJAYA**

- 21.1 Suruhanjaya adalah berhak untuk memasuki mana-mana premis di mana pada atau di dalamnya perkakasan, sistem dan infrastruktur, komponen teknikal dan peralatan lain yang digunakan oleh Pemegang Lesen atau atas tanggungan Pemegang Lesen dan boleh memeriksa serta menguji perkakasan, sistem dan infrastruktur, komponen teknikal dan peralatan sedemikian bagi menentukan keselamatan, kesahbetulan dan kebolehpercayaannya.
- 21.2 Suruhanjaya boleh mengkehendaki tunjuk cara mana-mana bahagian tatacara pengendaliannya dan boleh menghendaki pengujian bebas perisian, perkakasan, komponen teknikal, algoritma, piawaian dan parameter berkenaan dan kelengkapan lain yang akan digunakan oleh atau atas tanggungan Pemegang Lesen, bagi maksud menentukan keselamatan dan kebolehpercayaannya.

**SYARAT 22: SKIM TANDATANGAN DIGITAL**

- 22.1 Pemegang Lesen hendaklah hanya menggunakan skim tandatangan digital yang diluluskan dan sebarang perubahan skim tandatangan digital yang telah diluluskan bagi tujuan sebagai pihak berkuasa pemerakuan.
- 22.2 Pemegang Lesen hendaklah mendapatkan kelulusan bertulis Suruhanajaya terlebih dahulu sebelum apa-apa perubahan dilakukan ke atas skim tandatangan digital yang digunakannya.

**SYARAT 23: HUBUNGAN DENGAN REPOSITORI/PERKHIDMATAN PENANDA TARikh /MASA**

Pemegang Lesen hendaklah membuat, menyimpan dan menyenggarakan pangkalan data dengan mengambil perkiraan yang perlu dengan repositori diiktiraf dan perkhidmatan penanda tarikh/masa yang diiktiraf untuk kegunaannya sendiri atau pelanggan jika Pemegang Lesen tidak menyediakan perkhidmatan yang sedemikian.

**SYARAT 24: PENGURUSAN KUNCI**

- 24.1 Pemegang Lesen hendaklah mewujudkan dan menyenggarakan sistem dan infrastruktur yang selamat untuk melindungi kunci persendiriannya, pengagihan kunci, pengurusan kunci, penyimpanan kunci dan pelupusan kunci.
- 24.2 Pemegang Lesen hendaklah mewujudkan dan menyenggarakan sistem dan pangkalan data yang selamat bagi menyimpan maklumat dan dokumen yang diperolehi daripada pelanggan di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Akta.

**SYARAT 25: DAFTAR PERAKUAN DAN SENARAI PEMBATALAN**

- 25.1 Pemegang Lesen hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu Daftar Perakuan yang mengandungi senarai perakuan yang dikeluarkan olehnya menurut Akta dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Akta.
- 25.2 Pemegang Lesen hendaklah memastikan bahawa perakuan yang dikeluarkan olehnya disiarkan dalam sekurang-kurangnya satu repositori diiktiraf.
- 25.3 Pemegang Lesen adalah juga dikehendaki menyimpan dan menyenggarakan suatu Senarai Pembatalan Perakuan yang hendaklah mengandungi senarai segala perakuan yang dibatalkan olehnya disertakan dengan tarikh dan masa pembatalan dan hendaklah menyebabkan ia disiarkan dalam sekurang-kurangnya satu repositori diiktiraf.
- 25.4 Pemegang Lesen hendaklah sentiasa mengkaji semula Senarai Pembatalan Perakuan dan hendaklah memasukkan segala maklumat yang berkenaan dengan secepat mungkin setelah maklumat itu diterima tidak lewat daripada akhir hari perniagaan yang maklumat itu diterima dan hendaklah

menyiarkan Senarai Pembatalan yang dikemaskinikan sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap dua puluh empat (24) jam.

**SYARAT 26: KESULITAN MAKLUMAT DAN DOKUMEN PELANGGAN**

- 26.1 Pemegang Lesen hendaklah memungut data persendirian hanya secara terus daripada orang yang terlibat atau pun daripada pihak ketiga hanya setelah orang yang terlibat memberikan persetujuan bertulis terlebih dahulu setakat yang perlu bagi maksud Akta dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Akta melainkan jika:
  - (a) dibenarkan oleh undang-undang bertulis untuk digunakan bagi maksud lain;
  - (b) orang yang terlibat telah memberikan persetujuan bertulis orang itu untuk data tersebut digunakan bagi maksud lain; dan
- 26.2 Pemegang Lesen hendaklah mewujudkan dan menyenggarakan sistem dan pangkalan data yang selamat bagi menyimpan maklumat dan dokumen yang diterima daripada pelanggannya.
- 26.3 Pemegang Lesen hendaklah sentiasa menyenggarakan kesulitan maklumat dan dokumen yang diperolehi daripada pelanggan di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Akta tertakluk kepada arahan pelanggan berhubungan dengan pelepasan atau penzahiran maklumat dan dokumen itu.

**SYARAT 27: REKOD PENZAHIRAN**

- 27.1 Pemegang Lesen hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya butir-butir yang dikehendaki oleh atau di bawah Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Akta bagi tujuan penyenggaraan suatu rekod penzahiran Pemegang Lesen oleh Suruhanjaya.
- 27.2 Pemegang Lesen hendaklah dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, menghantar dan mengemukakan kepada Suruhanjaya apa-apa butiran lain yang sama ada semata-mata atau selainnya berada dalam pengetahuan Pemegang Lesen bagi tujuan penyenggaraan rekod penzahiran Pemegang Lesen oleh Suruhanjaya.

**SYARAT 28: JAMINAN SESUAI (SUITABLE GUARANTEE)**

- 28.1 Pemegang Lesen hendaklah menyimpan dan menyenggarakan jaminan sesuai sebagaimana yang dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan.
- 28.2 Pemegang Lesen hendaklah meyimpan dan menyenggarakan jaminan sesuai dalam amaun sebagaimana yang dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan tertakluk kepada kajian yang semula dari tahun ke tahun oleh Suruhanjaya.

**SYARAT 29: MENGHENTIKAN KENDALIAN**

Jika Pemegang Lesen bercadang untuk menghentikan kendaliannya, Pemegang Lesen hendaklah memberi notis kepada setiap pelanggan yang perakuannya tidak dibatalkan atau belum habis tempoh yang telah dikeluarkan sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari sebelum tarikh pemberhentian kendalian yang dicadangkan itu.

**SYARAT 30: REKOD URUSAN**

- 30.1 Pemegang Lesen hendaklah menyimpan dan menyenggarakan rekod bertulis terperinci mengenai urusannya sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Akta dan hendaklah memastikan bahawa rekod sedemikian disimpan ditempat yang selamat dan mengikut cara yang selamat.
- 30.2 Pemegang Lesen hendaklah menyimpan dan mengekalkan rekod dan maklumat urusannya termasuk segala rekod dan daftar mengenai pengeluaran, penerimaan dan apa-apa penggantungan atau pembatalan perakuan dalam penjagaannya selama tidak kurang daripada sepuluh (10) tahun dari catatan terakhir atau tarikh pengeluarannya melainkan jika:
  - (a) Pemegang Lesen membuat perjanjian dengan orang lain untuk mengekalkan rekod sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan; atau
  - (b) Menyerahkan rekod tersebut kepada Suruhanjaya apabila Pemegang Lesen menghentikan kendaliannya sebagai pihak berkuasa pemerakuan.

**SYARAT 31: BUKU AKAUN**

- 31.1 Pemegang Lesen hendaklah menyimpan dan menyenggarakan buku akaun mengikut cara yang ditentukan oleh Pengawal di dalam urusannya sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Akta.
- 31.2 Pemegang Lesen hendaklah mengekalkan buku akaun tersebut dalam penjagaannya selama tidak kurang daripada sepuluh (10) tahun dari tarikh catatan terakhir atau tarikh pengeluaran.

**SYARAT 32: PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG**

- 32.1 Pemegang Lesen hendaklah mematuhi mana-mana obligasi yang dikenakan ke atasnya atau di bawah Akta dan apa-apa Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Akta, perjanjian, triti atau konvensyen yang mana Malaysia adalah merupakan sebagai pihak kepada perjanjian, triti atau konvesyen tersebut.

- 32.2. Tiada apa-apa jua di dalam lesen boleh dianggap sebagai melepaskan obligasi Pemegang Lesen daripada mendapatkan mana-mana-lesen, permit atau apa-apa kelulusan lain yang dikehendaki di bawah Akta, atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuatkuasa.

**SYARAT 33: PERNYATAAN AMALAN PEMERAKUAN**

Pemegang Lesen hendaklah mengeluarkan kepada atau menyediakan bagi pelanggan sebelum atau pada masa pelanggan memohon sesuatu perakuan daripada Pemegang Lesen sesalinan pernyataan amalan pemerakuannya.

## **BAHAGIAN 3**

### **PEMBATALAN**

- 1.1 Suruhanjaya boleh membatalkan lesen ini atas mana-mana alasan yang berikut dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari kepada Pemegang Lesen mengenai niatnya untuk berbuat demikian jika:
- (a) Pemegang Lesen tidak mematuhi mana-mana obligasi yang dikenakan ke atasnya oleh atau di bawah Akta;
  - (b) Pemegang Lesen telah melanggar mana-mana syarat yang dikenakan di bawah lesen ini, mana-mana peruntukan Akta atau mana-mana undang-undang bertulis lain, tidak kira bahawa tiada pendakwaan telah dibawa bagi sesuatu kesalahan berkenaan dengan pelanggaran sedemikian;
  - (c) Pemegang Lesen telah, sama ada berkaitan dengan permohonan bagi mendapatkan lesen ini atau pada bila-bila masa selepas pemberi lesen ini, memberi Suruhanjaya maklumat yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat atau dokumen atau oleh perisyntiharanyang dibuat oleh atau bagi pihak Pemegang Lesen atau oleh atau bagi pihak mana-mana orang yang adalah atau yang akan menjadi pengarah, pengawal atau pengurus Pemegang Lesen yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat;
  - (d) Pemegang Lesen menjalankan perniagaannya mengikut cara yang memudaratakan kepentingan awam atau ekonomi negara;
  - (e) Pemegang Lesen tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk menjelaskan liabilitinya;
  - (f) Suatu perintah penggulungan telah dibuat terhadap Pemegang Lesen atau suatu ketetapan bagi penggulungan sukarelanya telah diluluskan;
  - (g) Pemegang Lesen atau mana-mana pegawaiannya yang memegang jawatan pengurusan atau eksekutif telah disabitkan atas apa-apa kesalahan yang melibatkan kecurangan, fraud, atau keburukan akhlak;
  - (h) Pemegang Lesen atau pengarah, pengawal atau pengurusnya telah disabitkan atas mana-mana kesalahan di bawah Akta; atau
  - (i) Pemegang Lesen terhenti menjadi pihak berkuasa pemerakuan yang layak.
- 1.2 Walau apa pun yang dinyatakan di perenggan 1.1, Pemegang Lesen hendaklah dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis yang tersebut dalam perenggan 1.1, menunjukkan sebab mengapa lesenya tidak patut dibatalkan.

- 1.3 Pemegang Lesen yang terkilan dengan pembatalan lesennya boleh merayu secara bertulis kepada Suruhanjaya dalam tempoh empat belas(14) hari dari tarikh notis pembatalan itu disampaikan kepada Pemegang Lesen.
- 1.4 Pembatalan Lesen di bawah Akta tidak boleh menjaskan hak Suruhanjaya atau Kerajaan untuk mendapatkan balik apa-apa bayaran yang terakru kepada Suruhanjaya atau Kerajaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang berbangkit daripada apa-apa pelanggaran Akta atau apa-apa kegagalan Pemegang Lesen untuk melaksanakan mana-mana syarat lesen ini.